

Najib Dijadual Sampaikan Anugerah Perdana Belia Negara Sabtu Ini
Bernama
24 Mei, 2012

PUTRAJAYA, 24 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menyampaikan Anugerah Perdana Belia Negara 2012 sempena sambutan Himpunan Jutaan Belia 2012 pada Sabtu ini.

Pada Khamis, nama lima anak muda dan sebuah pertubuhan belia yang bakal menerima anugerah berkenaan diumumkan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Anugerah itu mencakupi dua kategori baharu iaitu '1Belia 1Malaysia' dan 'Pencapaian Luar Biasa'.

"Penilaian dan pemilihan pemenang dibuat melalui maklumat dalam borang pencalonan, temuduga serta tugas yang diberikan panel penilai anugerah," kata Ahmad Shabery kepada pemberita di Pusat Media Himpunan Jutaan Belia di sini.

Pertubuhan Belia Chekas, Kampung Peruas, Raub, Pahang bakal menerima Anugerah Perdana Pertubuhan Belia 2012 yang menyediakan wang tunai RM50,000.

Anugerah Perdana Belia Negara 2012 kategori 'Lelaki' dan 'Wanita' pula jatuh kepada guru Mohd Zuraidi Komari dan usahawan Haryaty Hamdzah.

Kategori 'Pencapaian Luar Biasa' diungguli Suwaibah Muhammad Nasir manakala K. Murali dan Leong Fang Hui muncul pemenang kategori '1Belia 1Malaysia'.

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=668374>